

# Jual tanah di TRX keputusan tepat

**KUALALUMPUR 10 Mei** - Tindakan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menjual sebidang tanah di pusat kewangan Tun Razak Exchange (TRX) yang dibeli daripada 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) dengan harga RM188.5 juta, dilihat sebagai langkah tepat dan mampu memberi faedah yang baik kepada badan tersebut.

Menurut Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Mohamad Noorizuddin Nooh, penjualan tanah tersebut dilihat sebagai lebih menguntungkan namun memerlukan masa yang panjang serta kajian terperinci sebelum dilakukan.

"Menjual semula tanah tersebut merupakan jalan terbaik kerana risiko lebih tinggi jika mereka membuat keputusan untuk membangunkannya, namun perlu mengkaji terlebih dahulu supaya keuntungan yang bakal diperoleh mampu memberi impak positif kepada ekonomi negara dan pendeposit Tabung Haji sendiri.

"Tabung Haji juga wajar menumpukan usaha mengembangkan pelaburan di dalam bidang perumahan, perladangan serta pembangunan kawasan industri yang terbukti mampu memberi pulangan besar kepada badan tersebut selama ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Pengerusi Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim telah memutuskan untuk menjual semula lot tanah di TRX atas nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mengelakkan tohmahan berterusan daripada pelbagai pihak.

Dalam pada itu, Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Mohd.



**Menjual semula tanah tersebut merupakan jalan terbaik kerana risiko lebih tinggi jika mereka membuat keputusan untuk membangunkannya, namun perlu mengkaji terlebih dahulu supaya keuntungan yang bakal diperoleh mampu memberi impak positif kepada ekonomi negara dan pendeposit Tabung Haji sendiri."**

**MOHAMAD NOORIZUDDIN**  
Pensyarah Kanan Ekonomi dan Muamalat USIM

Fauzi Mohd. Jani berpendapat, Tabung Haji perlu mengelakkan pelaburan yang berisiko tinggi bagi mengukuhkan kepercayaan pendeposit dan kredibiliti badan tersebut.

"Tabung Haji diwujudkan bukan untuk menjana keuntungan semata-mata tetapi lebih bersifat kebajikan bagi membantu masyarakat negara ini menunaikan haji dan setiap wang pendeposit merupakan amanah besar yang perlu dijaga dengan lebih berhemat.

"Saya melihat pelaburan dalam bidang pengangkutan, telekomunikasi serta pelancongan merupakan skop-skop yang lebih relevan dan bersesuaian dalam meningkatkan keupayaan Tabung Haji selain mendapatkan keyakinan pendeposit," katanya.